

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**TAMAN TASIK PERDANA**  
**MAJLIS PERASMIAN TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK ESSO DAN**  
**PELANCARAN PERAYAAN 100 TAHUN ESSO**  
**09 MEI 1993**

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Esso kerana menjemput saya untuk merasmikan taman permainan kanak-kanak yang dibina khas untuk kanak-kanak Kuala Lumpur serta melancarkan permulaan Perayaan 100 Tahun Esso di Malaysia.

2. Tahun ini amat bersejarah bagi Esso kerana tahun ini adalah ulangtahunnya yang ke 100 di Malaysia. Saya mengucapkan tahniah kepada Esso atas kejayaannya selama satu abad ini. Kakitangan Esso harus berasa bangga atas sejarah syarikat ini di Malaysia dan keupayaannya merebut peluang-peluang perniagaan dan perkembangan pesatnya daripada satu perniagaan kecil yang memasarkan bahan-bahan petroleum kepada pengeluar minyak mentah terbesar di Malaysia. Esso telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara. Saya difahamkan syarikat ini telah melabur sebanyak 16 ribu juta ringgit sejak ia mula beroperasi di sini pada tahun 1893. Ia juga telah giat melatih warga Malaysia, memindahkan teknologi, serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk rakyat negara ini.

3. Esso juga memainkan peranan yang aktif dalam masyarakat. Pembinaan taman permainan ini untuk penduduk bandaraya Kuala Lumpur adalah antara pelbagai projek kemasyarakatan yang ditaja oleh Esso. Saya difahamkan bahawa alat-alat taman permainan yang telah dipasang oleh kakitangan Esso amat istimewa sekali kerana ia akan menguji kepintaran kanak-kanak yang menggunakan taman permainan ini. Alat-alat ini telah direka khas untuk menguatkan tubuh badan kanak-kanak, memberi mereka imbalan yang kukuh serta meningkatkan kecerdasan otak mereka melalui permainan. Ia juga mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi.

4. Saya berpendapat lebih banyak taman permainan kanak-kanak patut dilengkapi dengan alat-alat inovatif begini yang boleh menguji kepintaran kanak-kanak serta mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Dalam hal ini, saya menyeru syarikat-syarikat swasta yang lain mencontohi Esso dalam menaja projek-projek seperti ini, terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

5. Kita pernah melihat taman permainan kanak-kanak yang terbiar sehingga alat-alat permainannya menjadi reput. Saya ingin menyarankan supaya agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengemaskinikan taman-taman ini dan memikirkan bagaimana pihak swasta boleh membantu untuk melengkapkan taman-taman ini dengan alat-alat yang selamat dan canggih. Alat-alat permainan terkini membolehkan kanak-kanak menggunakan kepintaran dan kreativiti mereka melalui permainan tanpa mencederakan diri.

6. Saya yakin pihak swasta akan tampil ke hadapan dan bekerjasama dengan agensi-

agensi Kerajaan untuk mendidik kanak-kanak supaya menjadi warganegara yang progresif lagi produktif bagi menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan.

7. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Esso terutamanya kakitangannya yang telah berkhidmat dengan begitu gigih untuk menjadikan Esso salah sebuah syarikat yang terkemuka di Malaysia. Saya percaya para hadirin dan keluarga sekalian akan bersukaria hari ini dan menikmati pelbagai acara menarik yang telah disediakan.

8. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan taman permainan kanak-kanak tajaan Esso dan seterusnya melancarkan Perayaan 100 Tahun Esso di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.